

TEKS UCAPAN
YB DATUK WIRA DR ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI
SEMPENA PERASMIAN HARI TERBUKA SIRIM 2017
DEWAN SERBAGUNA SIRIM, SHAH ALAM
19 DISEMBER 2017

YBHG. PROF IR. DR. AHMAD FADZIL MOHAMAD HANI,
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN SIRIM

AHLI LEMBAGA PENGARAH SIRIM

RAKAN-RAKAN MEDIA,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada SIRIM kerana menjemput saya memeriahkan lagi acara Hari Terbuka SIRIM 2017 ini.
2. Saya difahamkan program Hari Terbuka SIRIM memberi ruang kepada orang ramai daripada pelbagai golongan untuk mengunjungi SIRIM dan mengenali lebih lanjut tentang aktiviti dan perkhidmatan yang ada di sini. Tahniah SIRIM kerana menganjurkan aktiviti sebegini.
3. Jika selama ini orang ramai tertanya-tanya apakah bentuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh SIRIM, inilah masa yang sesuai untuk melihat sendiri dan menjenguk makmal pengujian SIRIM yang jarang dibuka kepada orang ramai selama ini.
4. Ambillah peluang ini untuk menimba pengetahuan dalam dunia sains dan teknologi di samping mempelajari perkara baru yang boleh memperkasakan hidup kita.

5. Saya yakin peluang yang diberikan pada hari ini dapat memanfaatkan kita semua, terutamanya kepada pihak industri untuk mengetahui lebih lanjut bentuk perkhidmatan yang boleh membantu mereka mempertingkatkan lagi kualiti produk mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

6. Pada hari ini juga, dua pelancaran bakal diadakan iaitu, **Pelancaran Bahan Rujukan Malaysia Standard Emas iaitu MyRM Gold dan Pelancaran Skim Pensijilan Cap Kempa Emas SIRIM ataupun SIRIM Gold Hallmarking Certification Scheme.** Tahniah diucapkan kepada Institut Metrologi Malaysia atau NMIM dan SIRIM QAS International kerana telah berjaya mengembangkan perkhidmatan.
7. Berdasarkan sejarah, cap kempa emas telah lama diperkenalkan di Eropah, iaitu sejak tahun 1260. Cap kempa emas moden pula diperkenalkan pada tahun 1973 bagi menyeragamkan undang-undang terhadap pemeriksaan logam berharga dan untuk memudahkan perdagangan antarabangsa. Manakala di negara-negara tertentu seperti di Arab Saudi pula, pensijilan cap kempa emas dilaksanakan secara mandatori.
8. Kini di Malaysia, kita telah mempunyai perkhidmatan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Saya difahamkan Skim Pensijilan Cap Kempa Emas SIRIM QAS International adalah berpandukan standard antarabangsa ISO/IEC 17067, di mana Pensijilan hanya dianugerahkan kepada pemohon apabila terdapat bukti yang menunjukkan kelompok produk yang diuji adalah tulen dan proses cap kempa yang dilalui mematuhi keperluan Skim dan Standard Malaysia MS 1247:2005 – Code of Practice on the Description and Marking of Articles of, or Containing Precious Metal.
9. Proses menentusah ketulenan dan kualiti produk emas bermula dengan kawalan ke atas bahan mentah, kepatuhan dalam pengeluaran dan pengujian produk. Seterusnya proses pasca-pensijilan akan diikuti dengan aktiviti pemantauan di kilang dan pasaran.

10. Saya turut percaya bahawa usaha SIRIM QAS International dalam memperkenalkan Skim Pensijilan Cap Kempa Emas ini akan membantu dan menyelamatkan pengguna dan peniaga barang kemas daripada kes penipuan terhadap ketulenan emas, di samping menjamin kualiti emas tersebut.
11. Pensijilan ini juga merupakan pengiktirafan ke atas ketulenan jongkong emas dan barangan kemas yang dijual di pasaran, dan sekali gus memberikan nilai tambah kepada pengeluar jongkong emas dan tukang emas melalui perkhidmatan yang adil, kompeten dan cekap.
12. Dengan wujudnya pelbagai skim pensijilan, perkhidmatan pengujian dan pemeriksaan yang ditawarkan kepada pelbagai industri tempatan, saya berharap isu mengenai kualiti, keselamatan, dan ketulenan terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan akan dapat dikawal.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

13. Sebelum apa-apa pensijilan ke atas emas dapat dijalankan, emas berkenaan akan dirujuk ketulenannya dengan bahan rujukan ketulenan emas. Bahan Rujukan Malaysia Standard Emas (MyRM Gold) dibangunkan sendiri oleh Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia, SIRIM pada akhir 2016.
14. Untuk makluman, NMIM telah dilantik sebagai Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan di bawah Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 (Akta 675). Dalam melaksanakan mandat dan tanggungjawab ini, NMIM berperanan memastikan penyeragaman unit pengukuran di Malaysia; selain mempunyai kuasa untuk mengeluarkan bahan rujukan dan menyebarkan unit pengukuran bahan rujukan tersebut kepada pihak yang berkepentingan.
15. MyRM Gold akan memastikan semua alat yang mengukur ketulenan emas adalah berdasarkan Unit Sistem Antarabangsa (*SI Units*) bagi menggalakkan perdagangan adil dan saksama dalam urusan perniagaan emas di Malaysia. NMIM telah mula memberikan perkhidmatan Sijil MyRM sejak Mac 2017 bagi:

- Tentukuran Densimeter
- Tentukuran XRF
- Pengukuran ketumpatan emas; dan
- Pengukuran ketulenan emas

16. Adalah amat penting bagi semua alat pengukuran ketulenan emas di Malaysia mempunyai kebolehesanan atau 'traceability' melalui kaedah tentukuran kepada satu rujukan sahaja, iaitu kepada Bahan Rujukan Malaysia Standard Emas (MyRM Gold).

17. Ia akan memastikan peralatan yang diguna pakai, diiktiraf di peringkat antarabangsa dan nilai ketulenan yang diberikan adalah sama walaupun alat mengukur ketulenan emas adalah berbeza. Justeru itu, kesejahteraan dan keharmonian antara industri emas dan para pengguna dapat dicapai.

18. Diharapkan, **Bahan Rujukan Malaysia Standard Emas (MyRM Gold) dan Skim Pensijilan Cap Kempa Emas SIRIM (SIRIM Gold Hallmarking Certification Scheme)** yang dilancarkan hari ini memanfaatkan semua pihak di negara ini.

19. Akhir kata, sekali lagi tahniah dan syabas diucapkan kepada SIRIM, dan saya dengan ini merasmikan Hari Terbuka SIRIM 2017.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.